



## **PEMAKLUMAN KEPADA PELAJAR BERKENaan DENGAN PENANGGUHAN DAN PENJADUALAN SEMULA PENERBANGAN BALIK PELAJAR KE NEGERI SABAH**

### **I) STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**

Adalah dimaklumkan bahawa *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah ialah setiap pelajar yang tiba di negeri Sabah akan diswab dan ditempatkan di Pusat Kuarantin sehingga keputusan swab dikeluarkan. Sekiranya keputusan adalah negatif, maka baki tempoh kuarantin akan dijalankan di rumah masing-masing, tertakluk kepada kesesuaian infrastruktur rumah dengan mengambil kira faktor kesesakan dan risiko jangkitan kepada penghuni yang lain.

SOP ini telah diwajibkan ekoran terdapatnya kes pelajar sebuah IPT yang dibenarkan pulang ke rumah dan menjalani *home-quarantine* telah disahkan positif Covid 19. Ini mengakibatkan keluarga pelajar turut ditempatkan di pusat kuarantin.

Tujuan SOP ini adalah untuk melindungi pelajar dan keluarga pelajar terutama orang yang berisiko tinggi seperti orang tua, kanak-kanak dan orang yang mempunyai sejarah penyakit kronik.

## **II) PUSAT KUARANTIN**

Dengan keperluan untuk berada di Pusat Kuarantin sementara menunggu keputusan swab diperolehi dan bilangan pelajar yang dijangka balik adalah sangat ramai iaitu yang berjumlah 6,796 orang, maka dijangka akan berlaku kesesakan di Pusat-Pusat Kuarantin yang disediakan oleh Kerajaan.

Pusat Kuarantin yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah pelajar dan orang awam yang sangat ramai pada satu-satu masa. Kerajaan Negeri berusaha untuk mengelak daripada menempatkan pelajar di tempat yang tidak selesa.

Berikut dengan kekangan ini, adalah diputuskan bahawa penerbangan balik ke Sabah bermula 18 Mei 2020, **DITANGGUHKAN SEMENTARA DAN AKAN DIJADUALKAN SEMULA** bagi membolehkan kemasukkan ke Pusat Kuarantin dapat dirancang dengan lebih teratur.

## **III) KOMITMEN KERAJAAN NEGERI**

YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri amat memahami perasaan para pelajar dan prihatin dengan hasrat pelajar yang ingin pulang ke kampung masing-masing lebih-lebih lagi di musim perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan yang akan disambut tidak lama lagi. Kerajaan Negeri melalui Menteri Pelajaran dan Inovasi telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Pengajian Tinggi tentang perancangan membawa balik para pelajar dengan seberapa segera iaitu sebelum perayaan bermula sehingga kerajaan Negeri turut bersetuju untuk membiayai separuh kos penerbangan pelajar. Namun disebabkan kekangan yang dinyatakan di atas maka penerbangan terpaksa ditunda

sementara dan bukan nya dibatalkan bagi membolehkan penempatan pelajar di pusat-pusat kuarantin dapat dilakukan dengan lebih terancang.

#### **IV) KEKANGAN MASA**

Memandangkan masa agak suntuk dan sekiranya perjalanan diteruskan, besar kemungkinan pelajar akan menyambut Hari Raya di Pusat Kuarantin. Adalah lebih baik, pelajar meraikan Hari Raya bersama rakan-rakan di kampus dalam keadaan yang lebih selesa.

#### **V) JADUAL KULIAH**

Adalah diminta para pelajar merujuk kepada IPT masing-masing dan dapatkan jadual kuliah yang terkini. Sekiranya tarikh kuliah bermula dalam tempoh terdekat ini, adalah dinasihatkan agar pelajar terus kekal berada di kampus masing-masing bagi mengelakkan masalah untuk kembali ke kampus nanti.

Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang akan menjalani latihan industri (praktikal) di Sabah.

Sayugia juga diingatkan, kos penerangan balik ke Semenanjung / Sarawak tidak akan ditanggung Kerajaan.

**vi) PEMBERITAHUAN KEPADA KELUARGA MASING-MASING**

Kerjasama dan kefahaman pelajar adalah diminta dan amat diharapkan pada Ketika ini. Pelajar dinasihatkan agar terus bersabar dan bertenang di tempat masing-masing. Adalah diminta agar keputusan penangguhan sementara dan sebab-sebab penangguhan ini disampaikan dan dijelaskan secara baik kepada ibu bapa dan keluarga masing-masing.

Marilah kita sama-sama berdoa agar semua urusan perjalanan balik para pelajar akan berjalan dengan lancar selepas ini.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK DR. YUSOF BIN YACOB  
MENTERI PELAJARAN DAN INOVASI  
17 Mei 2020 | JAM 3.00 petang**